كمنترين حال إحوال أكام
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# ڤلن ستراتيکيک
# كمنترين حال إحوال أكام

٢٠٢٥ – ٢٠٢٩

# PELAN STRATEGIK

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
## 2025-2029

ڤلن ستراتيجيك
كمنترين حال إحوال أڬام
٢٠٢٥ - ٢٠٢٩

# PELAN STRATEGIK

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
## 2025-2029

Terbitan

BAHAGIAN DASAR DAN STRATEGIK
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Terbitan 2025

Hak Cipta Terpelihara.
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Dasar dan Strategik, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei**

**Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

BRUNEI Darussalam. Kementerian Hal Ehwal Ugama

Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025 – 2029. – Bandar Seri Begawan : Bahagian Dasar dan Strategik, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2025.

ISBN 978-99917-45-68-8 (hardcover)

ISBN 978-99917-45-69-5 (paperback)

ISBN 978-99917-45-70-1 (e-book)

1. Brunei Darussalam. Kementerian Hal Ehwal Ugama – Planning
2. Religious institutions – Brunei Darussalam – Aims and objectives
3. Strategic planning – Brunei Darussalam 4. Islam – Economic aspects – Brunei Darussalam I. Title

353.7095955 BRU (DDC 23)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ

**Mafhumnya: “Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakkallah kepada Allah (melaksanakannya)”**

**(Aali -‘Imraan: 159)**

# Petikan-Petikan Titah

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW
Bagi Tahun 1446H / 2024M

*"Memang dalam era digital masa ini, cabaran semakin besar, terutama dengan kehadiran media sosial yang kadang-kadang menyebarkan maklumat bercanggah dengan ajaran Islam aliran ahli Sunnah Wal Jama'ah. Oleh itu, kita perlu memperkuat sistem 'immune' atau kekebalan diri dengan pendidikan ugama. Ini penting, supaya kita tidak terpengaruh oleh ideologi dan pemikiran yang tidak selari dengan dasar Kerajaan Beta.*

*Di samping itu, Beta juga berharap agar aktiviti-aktiviti dakwah yang dikendalikan oleh pihak-pihak berkenaan akan dapat disampaikan secara berhikmah, sehingga mampu untuk menjadi benteng menghalangi ajaran-ajaran sesat dari disebar melalui pelbagai bentuk aplikasi media".*

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31 Tahun 2024

*"Untuk mencapai matlamat perkhidmatan awam, inovasi dan teknologi adalah kunci utamanya. Melalui teknologi canggih dan pendekatan inovatif, kita tidak hanya meningkatkan efisiensi dan kualiti perkhidmatan, tetapi juga memastikan bahawa setiap yang berkenaan mendapat pengalaman yang sempurna".*

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-19 Tahun 2024

*"Namun masih perlu diingatkan, dalam mengejar kejayaan, golongan belia hendaklah tetap mengekalkan ciri-ciri kebruneian, dengan mematuhi dan menghormati hukum-hukum ugama dan Undang-Undang".*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam



# Kandungan

Pra kata ________________________________________________

Pensejajaran Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025 – 2029 _______________

Rangka Kerja Hala Tuju Strategik Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025 – 2029__

Visi dan Misi ______________________________________________

Nilai-Nilai Utama Strategik _________________________________________

5 Teras Strategik Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025 – 2029 ____________

Teras Strategik 1 : Pemerkasaan Pendidikan Ugama / Arab Berkualiti __________________

Teras Strategik 2 : Penyampaian Perkhidmatan Yang Cekap Dan Berinovatif _____________

Teras Strategik 3 : Da'wah Dan Kesejahteraan Sosial Yang Inklusif ____________________

Teras Strategik 4 : Keutuhan Modal Insan Yang Mampan ___________________________

Teras Strategik 5 : Penerokaan Peluang Pembangunan Ekonomi Yang Dinamik ___________

# Pra kata



بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat menyediakan Pelan Strategik bagi tempoh tahun 2025-2029.

Pelan Strategik ini akan menjadi panduan penting dalam usaha memastikan urus tadbir perkhidmatan ugama yang diterajui oleh Kementerian ini tetap relevan dengan tuntutan semasa terutama dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam di negara ini.

Pelan Strategik ini disediakan dengan mengambil kira pensejajaran dengan agenda-agenda strategik kebangsaan iaitu Wawasan Brunei 2035, *Manpower Blueprint, Social Blueprint, Economic Blueprint* dan *Sustainable Development Goals.*

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025-2029 khususnya Bahagian Dasar dan Strategik yang mengkoordinasikan penyediaan Pelan Strategik ini.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman**
**Menteri Hal Ehwal Ugama**

ڤلن ستراتيجيک
کمنترين حال إحوال أݢام

٢٠٢٥ - ٢٠٢٩

# PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

2025-2029

# Pensejajaran
# Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025-2029



## Rangka Kerja Hala Tuju Strategik

## Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025-2029



## VISI

Memperkasa perkhidmatan ugama yang berkualiti dan berinovatif.

## MISI

Mengetarakan urus tadbir perkhidmatan ugama secara berkesan dan berinovasi bagi pembangunan dan kesejahteraan Negara.

# Nilai-Nilai Utama Strategik

PROFESIONAL

Kompeten dan berketerampilan mengutamakan kualiti penyampaian perkhidmatan serta menepati komitmen untuk membina reputasi dan kepercayaan.

INTEGRITI

Mewujudkan lingkungan kerja yang kondusif menerusi penyelarasan antara nilai-nilai murni dengan perlakuan.

ORIENTASI PELANGGAN

Interaktif dan reponsif  terhadap keperluan penerima perkhidmatan.

INOVATIF

Mencari peluang-peluang baharu, mencipta nilai tambah dan berfikir ligat untuk terus berada dihadapan.

# 5 Teras Strategik
# Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025 - 2029

| Teras Strategik | Objektif Strategik | KPI | PI |
|---|---|---|---|
| Teras Strategik 1: Pemerkasaan Pendidikan Ugama / Arab Berkualiti | 4 | 4 | 18 |
| Teras Strategik 2: Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap dan Berinovatif | 2 | 2 | 19 |
| Teras Strategik 3: Da'wah dan Kesejahteraan Sosial yang Inklusif | 4 | 4 | 21 |
| Teras Strategik 4: Keutuhan Modal Insan yang Mampan | 2 | 2 | 3 |
| Teras Strategik 5: Penerokaan Peluang Pembangunan Ekonomi yang Dinamik | 3 | 4 | 6 |

KPI – *Key Performance Indicators* /Petunjuk Prestasi Utama

PI – *Performance Indicators* /Petunjuk Ukur Prestasi

# TERAS STRATEGIK 1:
# PEMERKASAAN PENDIDIKAN UGAMA / ARAB BERKUALITI

## Teras Strategik 1:

### Pemerkasaan Pendidikan Ugama / Arab Berkualiti

**Takrifan Umum**: Pihak kementerian menyediakan penanda aras pendidikan ugama yang holistik, inklusif dan berpencapaian tinggi bagi melahirkan rakyat Brunei yang berpendidikan ugama, berkemahiran dan memenuhi keperluan negara dan masyarakat.

**Takrifan Teknikal:** Pendidik, pelajar, silibus, kurikulum, kepimpinan, sumbernya dan prasarana / infrastruktur, penglibatan ibubapa dan lain-lain.

**Berkualiti:** Kualiti diukur melalui proses *input* dan *output* yang memenuhi keperluan negara dan masyarakat.

| Objektif Strategik: | | Petunjuk Prestasi Utama: | |
|---|---|---|---|
| S1 | Tenaga pengajar yang berkelayakan | KPI 1 | Kecemerlangan tenaga akademik / pengajar |
| S2 | Kepimpinan yang berkarisma dan berprestasi tinggi | KPI 1 | Kepimpinan pendidikan yang berkaliber |
| S3 | Pencapaian pelajar yang cemerlang, berkemahiran dan berakhlak | KPI 1 | Kecemerlangan akademik pelajar secara menyeluruh |
| S4 | Persekitaran yang kondusif, selamat dan sejahtera | KPI 1 | Institusi pendidikan yang selamat dan kondusif |

# TERAS STRATEGIK 2:
# PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP DAN BERINOVATIF

## Teras Strategik 2:

## Penyampaian Perkhidmatan Yang Cekap Dan Berinovatif

**Takrifan Umum:** Pihak kementerian menyediakan perkhidmatan yang berdasarkan hukum syara', perlembagaan, undang-undang dan Falsafah Melayu Islam Beraja dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian dalam proses kerja dan prosedur yang cekap dan berinovasi mematuhi prinsip syari'ah.

**Takrifan Teknikal:** Tekad pemedulian orang ramai, prosedur kerja, proses kerja, deskripsi kerja, skop kerja, pencapaian dan kumpulan kerja berinovasi

**Berinovatif**: proses dimana seseorang atau organisasi terlibat dalam aktiviti mencipta atau memperkenalkan idea-idea atau produk baru.

| Objektif Strategik: | | Petunjuk Prestasi Utama: | |
|---|---|---|---|
| **S1** | Ketelusan dalam pelaksanaan fungsi dan peranan. | **KPI 1** | Pelaksanaan fungsi dan peranan Jabatan dan Bahagian |
| **S2** | Sistem pengurusan yang dinamik, berkualiti dan penambahbaikan berterusan | **KPI 1** | Pelaksanaan pengurusan dokumen, rekod dan proses kerja yang sistematik |

# TERAS STRATEGIK 3:
# DA’WAH DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL
# YANG INKLUSIF

## Teras Strategik 3:

## Da'wah Dan Kesejahteraan Sosial Yang Inklusif.

**Takrifan Umum**: Pihak kementerian membentuk sistem sosial dalam masyarakat yang mempunyai skop ruang kerja bagi manfaat pemegangtaruh dan pelanggan ke arah kelestarian ummah dan negara.

**Takrifan Teknikal:** Keluarga sakinah, da'wah berkesan, masjid sebagai pusat peribadatan, proses penggubalan undang-undang dan pendakwaan yang cekap, pengurusan haji yang berinovasi, kefahaman Ahli Sunnah wal Jama'ah, pematuhan Maqashid Syari'ah dan lain-lain lagi.

**Kesejahteraan Sosial:** Sistem yang melibatkan semua unsur sosial yang saling berinteraksi antara satu sama lain. Ia saling mempengaruhi dalam kesatuan sosial dan persekitaran.

**Inklusif** merujuk kepada pendekatan yang memastikan semua orang tanpa memandang latarbelakang, kemampuan dan identiti, dapat terlibat sepenuhnya dalam kegiatan masyarakat.

| Objektif Strategik: | | Petunjuk Prestasi Utama: | |
|---|---|---|---|
| S1 | Penggubalan dan penyelarasan dasar berpandukan hukum syara', perlembagaan dan undang-undang. | KPI 1 | Dasar memenuhi hukum syara', undang-undang dan keperluan semasa |
| S2 | Pengukuhan kefahaman dan penghayatan Islam secara inklusif. | KPI 1 | Pelaksanaan program kefahaman Islam secara berterusan |
| S3 | Pemertajaman da'wah | KPI 1 | Kompetensi penda'wah, metodologi dan kerjasama sinergi agensi da'wah dalam dan luar negara |
| S4 | Kelestarian institusi keluarga, masyarakat dan komuniti Islam. | KPI 1 | Kepelbagaian inisiatif dalam kesejahteraan institusi keluarga, sosial dan komuniti Islam. |

# TERAS STRATEGIK 4:
# KEUTUHAN MODAL INSAN YANG MAMPAN

## Teras Strategik 4:

### Keutuhan Modal Insan Yang Mampan

**Takrifan Umum:** Pihak kementerian melahirkan modal insan yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan berintegriti dalam melaksanakan pekerjaan.

**Takrifan Teknikal:** Analisa keperluan guna tenaga, perancangan guna tenaga yang optimum, pemilihan, penilaian prestasi, latihan dan kompetensi berterusan.

**Keutuhan** merujuk kepada kesempurnaan dan menyeluruh.

| Objektif Strategik: | | Petunjuk Prestasi Utama: | |
|---|---|---|---|
| **S1** | Membangunkan modal insan berketerampilan dan berprestasi tinggi. | **KPI 1** | Modal insan yang berkompetensi dan kompetitif. |
| **S2** | Pengurusan modal insan yang progresif dan berkualiti. | **KPI 1** | Pelaksanaan tadbir urus modal insan yang sistematik. |

# TERAS STRATEGIK 5:
# PENEROKAAN PELUANG PEMBANGUNAN EKONOMI YANG DINAMIK

## Teras Strategik 5:

## Penerokaan Peluang Pembangunan Ekonomi Yang Dinamik.

**Takrifan Umum**: Pihak kementerian meneroka peluang mempromosikan produk atau  perkhidmatan dalam proses kerja ke arah pengkomersialan dan manfaat kepada ummah dan negara.

**Takrifan Teknikal:** Zakat dan waqaf, keusahawanan, kesukarelawan, produk inovasi halal, konsultansi dan penyelidikan berimpak tinggi.

**Penerokaan** merujuk proses atau tindakan menjelajah, menyelidik dan mengkaji sesuatu kawasan atau bidang yang dikenalpasti atau diterokai sebelumnya.

| Objektif Strategik: | Petunjuk Prestasi Utama: |
|---|---|
| **S1** Memperkukuhkan sosio-ekonomi umat | **KPI 1** Penjanaan sumber dan keusahawanan sosial di peringkat Jabatan dan Bahagian |
| **S2** Memperkasa kesedaran berzakat dan mengupayakan manfaat waqaf | **KPI 1** Kecekapan pengurusan zakat<br>**KPI 2** Kecekapan pengurusan waqaf |
| **S3** Pemerkasaan penyelidikan berimpak tinggi dalam membuat keputusan. | **KPI 1** Mewujudkan penyelidikan berimpak tinggi dan kerjasama sinergi dengan industri dan rakan kerjasama |


الحمد لله

Terbitan

BAHAGIAN DASAR DAN STRATEGIK
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

ISBN 978-99917-45-68-8